



KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN MEMBANTERAS DADAH NEGERI PULAU PINANG

GEORGETOWN, 6 APRIL 2026 – Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2026 telah diadakan dengan kehadiran pelbagai agensi dan pihak berkepentingan. Kehadiran ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh usaha bersepadu menangani bagi isu penyalahgunaan dadah di negeri ini. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang sebagai peneraju utama usaha membanteras dadah di peringkat negeri. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, Dato' Ruslin bin Jusoh.

MTMD berperanan sebagai platform utama bagi menyelaras dasar, strategi dan pelaksanaan program antara agensi di peringkat negeri dan daerah. Penekanan diberikan terhadap keperluan kerjasama strategik yang lebih padu dalam menghadapi cabaran semasa, termasuk peningkatan rampasan dadah khususnya *Methamphetamine* (Syabu) serta taktik sindiket yang semakin kompleks melalui rangkaian digital dan rentas sempadan. Sehubungan itu, semua pihak diseru untuk memperkukuh sinergi melalui pendekatan menyeluruh merangkumi aspek pencegahan, penguatkuasaan, rawatan, pemulihan dan penglibatan komuniti.

Di peringkat negeri, pelaksanaan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) di kesemua 29 jabatan kerajaan menunjukkan komitmen tinggi dalam membudayakan persekitaran kerja bebas dadah selaras dengan aspirasi melahirkan penjawat awam yang berintegriti, sihat dan produktif. Inisiatif ini turut diperluaskan kepada agensi berkaitan kerajaan dan sektor swasta.

Berdasarkan statistik penagih dan penyalah guna dadah atau bahan bagi tahun 2025 menyaksikan seramai 13,655 orang dikesan di Pulau Pinang. Daripada jumlah itu, sebanyak 95.2 peratus adalah dalam kalangan lelaki manakala 4.8 peratus pula adalah daripada golongan wanita. Daripada data itu juga, dadah jenis *Amphetamine Type Stimulans* (ATS) mencatatkan kes paling tinggi iaitu sebanyak 8,070 orang (59.1%) yang majoritinya terdiri daripada mereka yang berumur antara 15 hingga 39 tahun iaitu golongan dalam kumpulan belia dengan angka seramai 5,539 orang (76.4%).

Justeru itu, pemerkasaan Program SKUAD Antidadah Pulau Pinang terus diperkukuh sebagai platform kesukarelawanan belia, termasuk melalui penggunaan platform digital e-Skuad bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pencegahan dan kesedaran dalam komuniti.

Mesyuarat kali ini turut membentangkan dua kertas pertimbangan dan dua kertas makluman, iaitu:

Kertas Pertimbangan:

- i. Fokus 5 Tahun: Kampung Aspirasi Bebas Dadah (KABD) oleh AADK
- ii. Laporan Impak Fokus 5 Tahun: Gerak SKUAD Antidadah ke Arah Pemerkasaan Kesukarelawanan Belia Negeri Pulau Pinang oleh AADK

Kertas Makluman:

- i. Laporan penyalahgunaan dadah dan bahan oleh AADK
- ii. Senario Tangkapan dan Rampasan Dadah oleh PDRM

Secara keseluruhannya, mesyuarat ini mempertegas komitmen kerajaan negeri dan semua agensi terlibat untuk terus bersinergi melalui idea serta tindakan konkrit. Kerjasama strategik ini menjadi tunjang utama dalam memperkukuh usaha membanteras ancaman dadah secara holistik demi merealisasikan matlamat Dadah Terkawal 2030.

TAMAT

YAB CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG